



Perpustakaan martabatkan Seni Tenun Pahang

Oleh: KAMARIAH GONO

Bagi meneruskan kelestarian budaya membaca dalam kalangan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP), Perpustakaan telah mengajurkan Sambutan Bulan Membaca 2013 Peringkat UMP sepanjang bulan September 2013 yang lalu.

Sambutan yang julung kalinya diadakan di Perpustakaan UMP Kampus Pekan itu telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim pada 19 September 2013 yang lalu.

Antara aktiviti-aktiviti menarik sepanjang program berlangsung ialah Pameran Teknologi Tenun Pahang DiRaja yang telah memaparkan pelbagai maklumat menarik mengenai tenun Pahang.

Selain daripada pameran produk dan hasil tenun, sambutan turut diisi dengan demonstrasi proses menerau dan menenun.

Pameran produk ini mendapat kerjasama daripada pelatih Institut Kemahiran Tenun Pahang DiRaja, Pulau Keladi, Pekan.

Tenun Pahang dipilih bagi memberi peluang kepada masyarakat umum mengetahui warisan tenun Pahang dan segala proses pembuatannya.

Selain itu, untuk kali ini juga pengunjung yang mengunjungi sambutan tersebut berpeluang menonton tayangan video berkaitan proses tradisional serta perkembangan dalam teknologi tenun Pahang dalam mengelakkan khazanah

warisan negeri Pahang yang harus diketahui oleh golongan muda dewasa ini.

Selain dapat memupuk minat membaca warga setempat, program ini juga merupakan satu medium yang amat penting dalam mengembangkan hasil kerja tangan tenun Pahang yang sangat halus dan cantik buatannya.

Antara aktiviti lain yang turut mengisi sepanjang Sambutan Bulan Membaca berlangsung ialah Klinik Kayak, xPloreLIB Race, Pertandingan Perpustakaan Keluarga, Shahibba dan Seminar Cash@Campus: Kerjaya Dalam Pasaran Modal.

Bagi memupuk semangat membaca dalam kalangan keluarga maka satu pertandingan Perpustakaan Keluarga turut menghiasi sambutan Bulan Membaca kali ini.

Pertandingan yang melibatkan keluarga ini, disifatkan dapat memupuk sikap membaca dalam kalangan anak-anak sejak awal lagi.

Pertandingan yang mensasarkan staf UMP ini mendapat sambutan menggalakkan dari setiap keluarga staf di mana gelaran juara telah diraih Dr. Kamal Yusuh dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Bagi program Seminar Cash@Campus: Kerjaya Dalam Pasaran Modal pula telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar International College of Automotive, Kolej Universiti Shahputra serta



IKIP selain daripada para pelajar UMP sendiri.

Seminar yang memberi pendedahan kerjaya dalam pasaran masa kini telah disampaikan oleh Securities Industry Development Corporation (SIDC) yang bertempat di Auditorium Perpustakaan UMP Pekan.

Di samping itu juga, satu lagi aktiviti menarik pada sambutan kali ini ialah khidmat sosial untuk komuniti setempat dengan penekanan Memperkasa Literasi Maklumat yang berhasrat memberi pendedahan kepada pembelajaran berterusan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah sekitar Kuantan dan Pekan.

Seramai 200 pelajar telah terpilih dalam aktiviti tersebut yang berlangsung di Perpustakaan Kampus Gambang dan Pekan.

Pelajar sekolah rendah juga turut diberi pendedahan dengan program di universiti apabila Pertandingan Sahibba telah dibuka penyertaannya kepada para pelajar sekolah rendah.

Budaya pendidikan sejak dari tahap rendah ini sesungguhnya amat bermanfaat bagi memperkayakan kosa kata dalam kalangan murid-murid tersebut.

Ternyata aktiviti ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada 12 sekolah rendah yang akhirnya Sekolah Kebangsaan Serandu telah dinobatkan sebagai johan pertandingan.